

Bapa wajib tanggung anak

Tak boleh halang hak beri nafkah selagi mampu

B14 20/6/12 MS5

PEGUAM SYARIE
MENULIS

Oleh Musa Awang

RAMAI yang tahu nafkah anak perlu ditanggung bapanya sehingga anak mencapai umur 18 tahun, berkahwin atau mampu menanggung nafkah dirinya. Namun hakikatnya kini, kebanyakan anak melepasi umur 18 tahun masih melanjutkan pendidikan dan memerlukan bantuan saraan bapa.

Adakah bapa masih wajib menanggungnya? Di samping itu ada juga anak kurang upaya dari segi fizikal dan mental, tidak mampu bergerak aktif seperti manusia normal, sampai bilakah mereka perlu ditanggung bapa?

Nafkah menurut syarak ialah mengeluarkan belanja kepada mereka yang wajib seperti bapa kepada anak termasuklah semua hajat dan keperluan seharian antaranya makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal serta ubat-ubatan.

Kewajipan bapa mengeluarkan nafkah anak berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud: *"Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anaknya selama dua tahun genap, iaitu bagi yang hendak menyempurnakan penyusuan itu, dan kewajipan bapa ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah seorang ibu itu menderita kerana anaknya dan (jangan juga menjadikan) seorang bapa menderita kerana*

anaknya; dan waris juga menanggung kewajipan itu (jika bapa tiada). Kemudian jika kedua-duanya (suami isteri) mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, atas mereka berdua tidaklah salah (melakukannya). Dan jika kamu hendak beri anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu serahkan (upah) yang kamu berikan itu dengan cara yang patut." (Surah al-Baqarah, ayat 233)

Seksyen 73 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor memperuntukkan kewajipan bapa menanggung nafkah anak. Seksyen 73 (1): "Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, paka-

ian, makanan, perubatan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya."

Kadar nafkah yang diwajibkan hendaklah sekadar keperluan dan hajat, menurut keadaan serta kemampuan orang yang berkewajipan itu.

Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Hendaklah orang yang berkemampuan memberi nafkah menurut kemampuannya. Dan orang yang telah ditetapkan ke atas rezekinya, maka hendaklah ia mengeluarkan belanja (nafkah) berdasarkan apa yang telah dikurniakan Allah SWT. Tidak dibenarkan oleh Allah seseorang itu melainkan setakat apa yang diberikan oleh Allah kepadanya. Nescaya Allah akan menjadikan sesudah kesempitan itu kelapangan."* (Surah at-Talak, ayat 7)

Bapa bertanggungjawab menanggung nafkah anak sehingga anak lelaki mencapai umur baligh dan anak perempuan berumah tangga. Kewajipan ini adalah tidak bersyarat dan mutlak, tidak kiralah anak itu berada dalam jagaannya atau tidak.

Setengah pihak cuba menafikan hak anak mendapat nafkah atas alasan dia tidak dapat berjumpa anak atau dihalang berjumpa anak oleh bekas suami atau isteri. Kewajipan membayar nafkah dan hak lawatan anak dua perkara berbeza dan bukan alasan untuk menafikan pembiayaan nafkah.

Jika anak belum boleh berdikari, miskin dan tidak mempunyai harta sendiri dan pada masa sama bapa mampu memberi nafkah, maka bapa masih bertanggungjawab untuk memberikan nafkah, walaupun anak bukan di bawah jagaannya.



Jika anak belum boleh berdikari, miskin dan tidak mempunyai harta sendiri dan pada masa sama bapa mampu memberi nafkah, maka bapa masih bertanggungjawab untuk memberikan nafkah, walaupun anak bukan di bawah jagaannya





BAPA wajib bertanggungjawab terhadap anak sehingga anak berusia 18 tahun.

Jika anak itu seorang perempuan, menurut mazhab Syafie dan Maliki, bapa wajib memberi nafkah hingga anak itu bersuami, manakala menurut mazhab Hanafi dan Hanbali, tidak wajib bapa memberikan nafkah kepada anak perempuan yang sudah besar dan boleh berusaha sendiri.

Pandangan mazhab Hanafi dan Hanbali ini lebih sesuai dengan keadaan masa kini kerana kebanyakan anak perempuan walaupun sudah bersuami, bekerja dan berpendapatan, mampu menampung diri sendiri. Jika anak perempuan boleh menanggung nafkah diri tetapi belum berkahwin, kewajipan bapa untuk memberi nafkah kepadanya akan tamat.

Anak lelaki yang belum berkahwin, sihat dan berupaya menyara diri sendiri, bukanlah menjadi tanggungan bapa. Namun Mahkamah Syariah atas permohonan anak atau orang lain, boleh melanjutkan perintah nafkah ke suatu tempoh difikirkan munasabah, sehingga anak tamat belajar.

Begitu juga anak cacat atau kurang upaya (OKU), yang tidak mampu bergerak aktif serta hidup berdikari, maka bapa masih bertanggungjawab mengeluarkan belanja untuk nafkah anak itu, walaupun umur sudah melebihi 18 tahun.

**Penulis ialah Presiden Persatuan
Peguam Syarie Malaysia (PGSM) dan
boleh dihubungi melalui emel sekretari-
atpgsm@yahoo.com**